

17 NOV 1998

APEC-BERITA-DUA HALA/I

DR MAHATHIR TERUS ADALAH BINCANG DUA HALA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus mengadakan perbincangan dua hala dengan para pemimpin Apec, antaranya rakan sejawatannya dari Vietnam Phan Van Khai.

Pada perbincangan pagi ini di Hotel Palace of the Golden Horses, kedua-dua ketua negara menyentuh mengenai cara-cara mempertingkatkan rantaian dua hala terutamanya semasa krisis kewangan sekarang.

Dr Mahathir, yang telah menemui sembilan pemimpin Apec semalam, juga dijadualkan menemui Presiden Chile Eduardo Frei, Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi dan Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley pada sebelah pagi.

Beliau kemudian akan menghadiri Perundingan Para Pemimpin Asean.

Selepas itu, beliau akan meneruskan perbincangan dua hala dengan Presiden Indonesia B.J. Habibie yang tiba di sini pagi ini.

Dr Mahathir akan menutup perbincangan dua halanya dengan Presiden Jiang Zemin dari China petang ini.

Sebelum menemui Jiang Zemin, Dr Mahathir akan mengalu-alukan secara rasmi kesemua 20 pemimpin Apec yang menghadiri sidang kemuncak tidak forma keenam.

Selepas bergambar beramai-ramai, para pemimpin itu akan menanggungkan untuk taklimat agenda perbincangan di istirahat tak rasmi yang akan diadakan di Cyberview Lodge, yang akan diikuti dengan dialog di sana bersama Majlis Penasihat Perniagaan Apec. (Abac). -- BERNAMA

MR OS